

21 JUN 1999

Mahkamah-Anwar (Karpal)

KARPAL SINGH BANGKITKAN LAGI ISU PENGHINAAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Isu sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menghina mahkamah, dibangkitkan lagi pada perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Ia dibangkitkan oleh peguam Anwar, Karpal Singh, yang menarik perhatian mahkamah kepada ucapan Dr Mahathir yang mempertahankan haknya untuk bercakap mengenai Anwar pada penutupan Perhimpunan Agung Umno semalam.

Karpal Singh memberitahu Hakim Datuk Arifin Jaka bahawa walaupun pihak pembelaan dibenarkan memfailkan permohonan untuk menyaman Dr Mahathir kerana menghina mahkamah, Perdana Menteri masih terus bercakap mengenai Anwar.

"Ia (memfailkan permohonan) bukan merupakan sebahagian daripada prosiding ini," kata Arifin.

"Tetapi Perdana Menteri telah mendahului usaha itu. Beliau telah berkata bahawa beliau tidak menghina mahkamah," kata Karpal Singh.

Dr Mahathir, dalam ucapan pada pembukaan perhimpunan agung Umno pada hari Jumaat, bercakap mengenai dakwaan salah laku Anwar yang mendorong pihak pembelaan memohon kepada mahkamah untuk menyaman beliau kerana menghina mahkamah.

Hakim membenarkan permohonan itu tetapi permohonan itu belum difailkan.

Semalam, Dr Mahathir berkata beliau tidak menghina mahkamah apabila bercakap mengenai salah laku Anwar kerana beliau tidak merujuk kepada kes yang dihadapi oleh Anwar di mahkamah.

Karpal Singh berkata bahagian ucapan paling merosakkan ialah apabila Perdana Menteri berkata bahawa "kerana moral dan kelakukannya (Anwar) yang menghalang beliau daripada menjadi presiden Umno."

Hakim berkata: "Beliau berhak berkata bahawa beliau tidak menghina mahkamah. Itu pendapatnya. Biarkan mahkamah memutuskannya. Saya tidak boleh menghalang beliau, tiada siapa boleh."

Pada peringkat ini, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah mempertahankan perdana menteri dan berkata bahawa apa yang Dr Mahathir ucapkan dibenarkan kerana ia sebagai ulasannya kepada permohonan untuk memenjarakannya kerana menghina mahkamah.

Perdana Menteri berhak kepada pendapatnya bahawa beliau tidak menghina mahkamah, seperti juga semasa Anwar berkata bahawa dia tidak bersalah terhadap pertuduhan-pertuduhan, kata Mohtar.

Hakim pula berkata: "Karpal, jika awak berkata ia menghina mahkamah, lakukannya secara betul melalui satu permohonan. Setiap orang berhak berkata apa yang mahu mereka kata."

Mohtar berkata Karpal Singh tidak harus membangkitkan isu itu berkali-kali. Beliau menggesa mahkamah tidak membenarkan Karpal Singh menggunakannya bagi "motif sampingan lain".

Karpal Singh bagaimanapun menafikan bahawa tindakannya mempunyai tujuan politik.

"Persoalannya ialah sama ada perdana menteri patut mempengaruhi atau menakut-nakutkan mahkamah. Ianya semata-mata undang-undang, bukan politik. Beliau (PM) membangkitkannya, bukan saya. Ia merupakan forum yang berlainan untuk membangkitkannya (kes itu). Ia tidak sama seperti pengakuan tidak salah oleh tertuduh. Tiada ada elemen politik ketika membangkitkan isu ini, melainkan saya membawanya ke Parlimen," katanya.

Perkara itu ditutup selepas Arifin memutuskan bahawa isu itu adalah isu

yang berasingan dan memerlukan permohonan berasingan untuk didengar pada masa yang lain.

Anwar, 51, dan adik angkatnya Sukma, 38, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di unit no. 10-7-2 Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar pada kira-kira pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, pemilik butik, menghadapi tuduhan berasingan bersubahat dengan Anwar melakukan kesalahan yang sama di tempat, masa dan tarikh yang sama.

Terdahulu, Karpal Singh menarik diri daripada mewakili Sukma dan menyertai pasukan pembelaan yang masih diketuai Christopher Fernando.

Sukma kini diwakili anak-anak Karpal, Jagdeep Singh Deo dan Gobind Singh Deo.

-- BERNAMA

RA LAT MAI